

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 24.3.2015**

**SOALAN :  
Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) apakah perkembangan dan peruntukan yang telah diambil dalam memastikan pendigitalan buku teks sekolah seperti yang diumumkan Kementerian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dapat direalisasikan; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian mentafsirkan pendigitalan buku teks mampu memberikan impak positif dan membantu peningkatan pendidikan pelajar serta membantu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku teks digital interaktif pintar akan dibangunkan dalam bentuk aplikasi (*apps*). Buku teks digital tersebut akan mula digunapakai pada tahun 2016 melalui satu mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Tahun 6. Pada tahun 2017, buku teks digital ini digunakan melalui 5 mata pelajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pembangunan aplikasi buku teks digital ini akan menggunakan peruntukan Anggaran Belanja Mengurus atau melalui Rancangan

Malaysia Ke-11 (2016-2020).

- (b) Pendigitalan buku teks dalam bentuk aplikasi (apps) mampu mentransformasikan sistem pendidikan negara ke arah pembelajaran abad ke-21 diimplementasikan di Malaysia sepertimana yang dilaksanakan di Korea, Singapura, Turki, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti *flip classroom* dan *blended learning* serta dibantu dengan penilaian pembelajaran secara atas talian dan adanya interaksi murid dengan guru bagi menyelesaikan sebarang permasalahan berkaitan mata pelajaran akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik, minat murid terhadap pembelajaran semakin bertambah dan boleh membantu dalam meningkatkan keberkesanan dalam PdP. Kaedah ini telah digunakan di Archbishop Stepinac High School New York.

RJM54